

Teknologi Pemprosesan Batik Melayu di Kelantan

Malay Batik Processing Technology in Kelantan

Siti Aisyah Amilin binti Hassan
Muammar Ghaddafi bin Hanafiah

Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

muammar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses penghasilan batik yang eksklusif di Kelantan yang nilainya mencecah harga ribuan ringgit. Selanjutnya, membandingkan teknologi dalam pemprosesan batik eksklusif pada zaman sekarang dengan cara tradisi. Selain kajian perpustakaan, kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan seperti tinjaun, temubual dan juga pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan beberapa peringkat dan kerja rumit dilalui untuk menghasilkan batik eksklusif. Peringkat-peringkat tersebut ialah penyediaan kain, menyurih, meregangkan kain, penyediaan lilin dan mencanting, penyediaan warna dan mewarna, mematikan warna, mongering, membasuh dan membilas, merebus, membasuh dan merendam, mongering, menggosok dan membungkus. Dalam proses mencanting mempunyai beberapa teknik yang dugna pakai iaitu teknik Manutex, teknik Air Brush, teknik Silica, teknik Tindanan, teknik Brush Stroke dan beberapa teknik lain. Hasil kajian juga mendapati tahap kehalusan seni canting dan corak di atas kain akan menjadi penentu kepada nilai sesebuah batik eksklusif. Semakin halus seni yang dicanting, semakin tinggi harga yang diletakkan oleh peniaga. Sehubungan dengan itu, kajian ini menunjukkan bahawa teknologi pemprosesan batik eksklusif di Kelantan berbeza dari cara di negeri-negeri lain pada teknik dan juga corak. Rumusannya, kajian ini dapat mengkaji dengan lebih teliti bagaimana proses batik dilakukan sehingga mencecah ribuan ringgit, menambahkan kefahaman kepada pengguna kenapa batik perlu diangkat menjadi satu seni yang perlu dihargai oleh pengguna.

Kata kunci: Batik Eksklusif, proses batik, batik kontemporari dan tradisional

ABSTRACT

This study aims to investigate the process of exclusive batik production in Kelantan which is worth the price of thousands of ringgit. Furthermore, comparing technology in exclusive batik processing at present times in a traditional way. In addition to library research, this study uses field research methods such as study, interviews and observations. The results show some stages and complicated work passed to produce exclusive batik. The stages are the fabric preparation, trimming, stretching of the cloth, candle preparation and rolling, coloring and coloring, turning off the color, drying, washing and rinsing, boiling, washing and soaking, drying, rubbing and wrapping. In the process of spinning has some of the techniques used in Manutex techniques, Air Brush techniques, Silica techniques, Overlay techniques, Brush Stroke techniques and some other techniques. The findings also show that the level of fine art canting and pattern on the fabric will be the determinant of the value of an exclusive batik. The finer the art of being stabbed, the higher the price placed by the trader. In this regard, this study shows that exclusive batik processing technologies in

Kelantan differ from the way in other states on technique and pattern. In conclusion, this study can examine more closely how the process of batik is done to reach thousands of ringgit, adding to the understanding of the need for batik to be an art that consumers need to appreciate.

Keywords: Exclusive Batik, batik process, contemporary and traditional batik

1. Pengenalan

Budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki oleh sebuah kelompok masyarakat dan diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Budaya terbentuk dari banyak unsur yang rumit, termasuk sistem agama dan politik, adat istiadat, bahasa, perkakas, pakaian, bangunan, dan karya seni. Budaya, merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dari diri manusia sehingga banyak orang cenderung menganggapnya diwariskan secara genetik. Ketika seseorang berusaha berkomunikasi dengan orang-orang yang berbeza budaya dan menyesuaikan diri dengan perbezaannya, membuktikan bahawa budaya itu perlu dipelajari. Budaya adalah suatu pola hidup menyeluruh. budaya bersifat kompleks, abstrak, dan luas. Kebanyakan amalan budaya orang Melayu sama ada dahulu mahupun sekarang, adalah hasil himpunan pelbagai amalan asing yang terkumpul sejak berkurun lama dahulu.

Jika dilihat dari segi sudut budaya seni, terdapat batik asli yang terhasil di Malaysia ini. Batik dipercayai berasal daripada Indonesia dimana diambil daripada perkataan Melayu untuk titik dan Jawa 'mba' ertinya menulis. Oleh itu batik bererti menulis titik-titik yang dimaksudkan di sini sama ada berupa titik-titik dalam erti kata sebenar atau berupa bunga-bunga dan lain-lain motif kecil di atas permukaan kain. Kemudian, teknik untuk mewujudkan motif-motif itu bergantung pada zaman dan ruang. Perusahaan batik di Malaysia ini dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu Batik Blok, Batik Tulis, Batik Skrin serta Batik Pewarnaan Asli, dan setiap satunya mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Melihatkan kepada ciri-ciri versatile pada tekstil ini, batik ditampilkan dalam pelbagai guna seperti fesyen tradisional dan kontemporari mahupun aksesori tambahan serta hiasan dalaman. Batik memperlihatkan kelainan mengikut pilihan kain yang digunakan seperti kain kapas, kain sutera, campuran kain sutera dan kain kapas, kain rayon, kain voile, kain organza mahupun kain chiffon. Kehalusan jahitan sulaman serta jahitan manik yang disuaipadankan pada batik menyerlahkan lagi keanggunan pemakai. Di alam Melayu, sejenis batik yang dipanggil Batik Pelangi telah diperkenalkan sejak tahun 1770-an lagi. Di Malaysia kebanyakan kilang perusahaan batik banyak terdapat di Kelantan dan Terengganu.

Pada tahun 1950-an pengusaha batik di Kelantan mula membuat batik menggunakan blok tin dengan panggilan teknik batik blok, batik terap atau batik cop. Pada masa itu pembatik masih ingin meniru corak batik Jawa. Sehingga suatu ketika dahulu batik sarung dinamakan kain batik Lasem Kelantan, kain batik Solo Kelantan dan kain batik Pekalongan Kelantan. Penggunaan blok tin kemudiannya digantikan dengan tembaga dan ia diteruskan sehingga hari ini. Biasanya batik blok dijadikan batik ela yang dihasilkan dengan pelbagai corak. Kebanyakan batik ini dijadikan baju kemeja lelaki, baju perempuan dan baju kanak-kanak. Selain itu kain batik blok juga dibuatkan sebagai cadar, penutup meja dengan rekaan yang tertentu. Yusoff Abdullah dari Kelantan terkenal dengan batik tulisnya sejak 1946. Beliau adalah salah seorang daripada pengusaha batik yang terawal gemar mengeksperimentasi dan inovasi dalam penghasilan batik dengan motif, tumbuh-tumbuhan daripada alam sekeliling. Pengusaha batik seperti Rashidah's Exclusive Batik di Kelantan, banyak menghasilkan batik tulis tangan secara eksklusif sejak 1978. Beliau sendiri mereka motif dan corak serta menyediakan warna yang ditentukan.

Namun begitu, sebahagian daripada masyarakat Melayu sekarang sudah banyak menggunakan kaedah yang lebih mudah untuk membuat batik seperti batik print dan juga

hanya tampil sahaja dengan menggunakan teknologi pada zaman sekarang. Hal ini mengakibatkan hasil seni daripada tangan tidak lagi diperlukan. Sehubungan dengan itu, kajian mempunyai beberapa objektif iaitu mengenal pasti sejarah dan perkembangan batik di Kelantan dan menjadi medium seni kepada penduduk tempatan supaya menjalankan perniagaan batik, melanjutkan lagi kajian terhadap proses penghasilan batik namun khusus kepada batik yang eksklusif sahaja dengan membuat kajian lapangan di kilang yang terdapat di Kelantan, seterusnya menganalisa mengenai pemprosesan canting batik dengan lebih mendalam agar dapat mendalami dan memperluaskankan lagi pasaran batik canting di Malaysia.

2. Tinjauan Literatur

Seni didefinisikan sebagai karya sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang diciptakan dengan bakat, kebolehan mencipta sesuatu yang indah. Secara tidak langsung mengakui bahawa untuk menghasilkan sesuatu produk seni, bakat, kebolehan dan penghayatan serta pemahaman yang jitu amat penting. Kebolehan adalah sesuatu yang mampu dipelajari dan dibentuk manakala bakat pula adalah sesuatu yang berdiri dengan sendiri hasil daripada kurniaan Ilahi. Kedua-dua ini saling berkait rapat di dalam menghasilkan sesuatu produk seni yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Jika dilihat pada sudut seni batik, seni batik ialah manifestasi daripada gerak jiwa manusia yang wujud dalam pernyataan rasa dan penghayatan. Seni Batik adalah sebuah teknik yang menggambarkan atas kain dan memanfaatkan lilin dan canting sebagai bahan dan alat untuk membuatnya. Pada hakikatnya batik ini ialah satu seni yang diluahkan pada sehelai kain dengan bermotifkan flora dan fauna.

Menurut kajian lepas yang telah dikaji, kebanyakan pengkaji hanya focus satu-satu bahagian sahaja. Sebagai contohnya kajian lepas yang dikaji oleh Nik Yusnita Nik Ahmed, kajiannya yang dijalankan lebih tertumpu terhadap pengasas batik di Kelantan iaitu Haji Che Su bin Ishak yang masih ramai tidak mengetahui mengenai pelopor batik di Kelantan khasnya dan di Malaysia amnya ini. Che Su dan keluarga dipilih dalam kajian tersebut adalah kerana beliau merupakan orang yang pertama memperkenalkan batik di Kelantan. Wawancara bersama pewaris Che Su untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah diri beliau terutamanya ketika penglibatan awal dalam perusahaan batik sehingga kepada pewarisnya sekarang. Batik merupakan salah satu industri kreatif yang mampu menjana pendapatan ekonomi dalam Negara. Manakala, Haji Che Su merupakan salah seorang pengusaha yang kreatif pada waktu tersebut, kerana mampu menzahirkan pelbagai jenis corak batik tanpa bantuan alatan teknologi yang canggih seperti yang terdapat pada hari ini. Sumbangan beliau dalam dunia batik banyak memberi peluang pekerjaan kepada seluruh keluarga pembatik di Kelantan khasnya.

Selain itu, berdasarkan kajian lepas yang telah dikaji oleh Faridah Abdul Latif menceritakan bagaimana pengaplikasian jenis-jenis seni cetakan seterusnya dapat diaplikasikan ke dalam hasil karya peribadi penulis. Beberapa kaedah yang digunakan untuk menentukan penghasilannya. Melalui kajiannya juga menjelaskan kepentingan batik print ini sangat penting dan boleh dikembangkan melalui teknologi-teknologi yang ada pada zaman kini. Kajian yang dilakukan juga untuk mengenal pasti setiap jenis-jenis atau kaedah-kaedah yang terdapat dalam proses printmaking.

Berdasarkan kajian lepas yang telah dikaji oleh Muhd Rashid Bin Rajuddin dan Fazlee Bin Alias, kajiannya lebih tertumpu kepada untuk mengenalpasti sejauh mana tahap amalan asas pengurusan perniagaan di kalangan industri kecil dan sederhana (IKS) pengusaha batik menerusi tinjauan terhadap tahap amalan pengurusan sumber manusia, pengurusan pemasaran, penggunaan teknologi dan pengurusan kewangan. Kajian ini

terperinci kepada tahap pengurusan perniagaan, industri kecil dan sederhana (IKS), pengusaha batik di Kota Bharu.

Sorotan ini mendapati bahawa sejarah perkembangan batik dan teknologi pemprosesan batik eksklusif di Kelantan tidak dikaji dengan lebih mendalam. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah dalam aspek pengaplikasian corak yang dihasilkan, sumbangan pengusaha batik, pengamalan atas pengurusan perniagaan khasnya pengusaha batik. Setakat ini, belum ada kajian yang mengkaji secara terperinci mengenai teknologi pemprosesan batik eksklusif. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan hanya dikaji dengan secara umum mengenai prosesnya seperti bagaimana proses batik itu dilakukan tanpa mengkaji secara terperinci. Oleh itu, yang akan dibincangkan dalam kajian ini akan tertumpu kepada kajian terhadap sejarah perkembangan batik di Kelantan, teknologi pemprosesan batik eksklusif dan menganalisa secara terperinci mengenai . Setiap objektif tersebut akan dikenal pasti, dianalisis dan diuraikan secara terperinci.

3. Metodologi

Kajian terhadap teknologi pemprosesan batik eksklusif di Kelantan adalah dilakukan secara kualitatif dengan menghuraikan teknologi pemprosesan batik eksklusif. Analisis proses tersebut akan membuktikan bahawa mengapa batik yang dicanting mempunyai nilai yang tinggi, disamping membuktikan bahawa proses dan kekangan yang dihadapi membuatkan batik eksklusif itu bernilai tinggi berbanding dengan batik-batik yang selalu dijual di dalam pasar. Seterusnya kajian ini dilakukan berdasarkan kepada model perbandingan yang membincangkan tentang pemprosesan batik eksklusif Kelantan sejak zaman dahulu sehingga menggunakan teknologi pada zaman sekarang.

Keseluruhan kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kajian kepustakaan dan kajian etnografi sepenuhnya memandangkan kaedah ini paling sesuai digunakan. Bahannya yang terdapat di dalam perpustakaan dapat mengesahkan dan menjadi rujukan terbaik bagi model ini. Rujukan dilakukan di Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pusat Sumber PPBKKM, Nordin Batik Kelantan, Razali Batik dan juga Perbadanan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan. Manakala kajian etnografi ini dijalankan melalui tiga kaedah iaitu temubual, tinjauan, turut serta dan juga pemerhatian secara mendalam dari satu proses ke satu proses sehingga selesai.

Kawasan Kajian

Terdapat banyak industri batik di Kelantan malah ada juga pengusaha secara kecil-kecilan dalam batik ini. Namun begitu, pengkaji hanya fokuskan kepada industri batik yang besar sahaja iaitu Nordin Batik, Razali Batik serta Jabatan Kemajuan Perbadanan dan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan itu sendiri.



RAJAH 1. Nordin Batik



RAJAH 2. Jabatan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan

Tata cara pengumpulan data

Kajian ini melakukan kaedah etnografi iaitu kajian lapangan serta kajian kepustakaan. Kajian lapangan diperlukan untuk mengumpul data secara lebih terperinci mengenai pemprosesan batik eksklusif di Kelantan. Melalui kerja lapangan inilah pengkaji boleh melihat dengan mata sendiri, bagaimana batik itu dijalankan.

Kaedah kepustakaan digunakan bagi menyempurnakan kajian pemprosesan batik di Kelantan. Hal ini demikian kerana, kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai sejarah batik di Malaysia, sejarah perkembangan batik di Malaysia dan seterusnya sejarah batik di Kelantan. Perpustakaan yang dilawati oleh pengkaji ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang, (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Melalui kaedah ini, pengkaji boleh perkemaskan lagi kajian kepustakaan pengkaji.

Pengkaji mendapatkan beberapa temubual dengan pengusaha batik di Kelantan, Pegawai Ehwal Ekonomi di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan. Informan pertama ialah Encik Faizul Azha bin Ibrahim iaitu pegawai Ehwal Ekonomi di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan menceritakan serba sedikit latar belakang bermulanya batik bertapak di Kelantan, berapa banyak pengusaha batik di Kelantan dan lain-lain. Pemilihan informan yang betul sangat penting kerana pemilihan tersebut akan melancarkan proses temu bual dijalankan dan mengelakkan adanya unsur penipuan kerana data yang ingin diambil perlu tepat dan benar. Selain itu, pengkaji mendapatkan beberapa informan yang selalu membeli batik eksklusif. Informan yang dipilih berdasarkan faktor kewangan, berapa kerap pembelian batik eksklusif.

Kaedah kajian yang kedua ialah menggunakan kaedah pemerhatian secara langsung ke tempat pemprosesan batik. Pemerhatian dan turut serta dilakukan untuk memahami dengan lebih terperinci mengenai pemprosesan batik eksklusif. Kaedah pemerhatian ini mengambil masa yang agak lama iaitu dua hingga ke tiga minggu. Hal ini disebabkan pemprosesan batik eksklusif ini agak rumit dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Sehelai kain batik boleh disiapkan dalam masa tiga atau empat hari yang paling cepat. Metodologi yang ketiga ialah menganalisa kajian yang telah dilakukan. Setelah rakaman audio dijalankan, proses menganalisa dan membandingkan dengan kajian-kajian lepas diolah dengan lebih terperinci oleh pengkaji.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1. Dapatan sejarah batik di Kelantan

Sejarah batik di Kelantan dan sejarah perkembangan di negeri tersebut jelaslah bahawa dibangunkan dan diusahakan oleh Encik Mohd Salleh pada tahun 1911. Beliau adalah orang pertama yang mengusahakan batik Kelantan sehingga kini anaknya meneruskan perusahaan batik di negeri tersebut. Meskipun batik bermula di Indonesia dan dibawa ke Pantai Timur, namun batik Kelantan mula mengorak langkah sendiri dan menghasilkan corak-corak yang tersendiri. Mengetahui tentang sejarah batik di Kelantan dapat dilihat bahawa banyak pengusaha-pengusaha batik di Kelantan tidak kira sama ada secara kecil-kecilan mahupun secara industri. Mengikut Encik Faizul Azha bin Ibrahim, Pegawai Ehwal Ekonomi di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan berkata, terdapat tiga ratus lebih usahawan yang berdaftar di bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan. Usahawan yang berdaftar ini mempunyai pelbagai bidang iaitu kraftangan mereka rotan, buluh, bakul, ukir mengukir dan juga batik.

Pertumbuhan batik di Kelantan setiap tahun semakin meningkat kerana permintaannya yang semakin meluas namun tidak ramai yang mempunyai seni lukis yang halus untuk menghasilkan batik eksklusif. Perkembangan batik di Kelantan mula meningkat apabila kerajaan mengarahkan pemakaian batik pada setiap hari khamis kepada seluruh kakitangan penjawat awam dan juga pelajar yang berasrama. Perkembangan dari corak tradisional kepada batik kontemporari semakin mendapat tempat dihati masyarakat Malaysia.

4.2 Dapatan teknologi pemprosesan batik eksklusif

Penggunaan canting di dalam proses membatik membuka lebih ruang kreativiti penggiat untuk menghasilkan rekaan yang lebih kreatif dan menarik. Batik lukis juga dikenali dengan batik canting kerana kaedah pembuatannya yang menggunakan alat canting untuk mengisi dan melakarkan lilin mengikut reka corak. Canting adalah alat yang dihasilkan menggunakan kepingan tembaga nipis dan dibentuk berupa kepala burung, kasut, periuk dan sebagainya. Kemahiran mencanting menggunakan kecekapan mengawal suhu kepanasan lilin semasa proses lilin akan menentukan sapuan warna ke atas reka corak tidak merebak pada bahagian-bahagian lain di atas permukaan fabrik. Kecekapan pelukis batik mengguna dan mengawal canting semasa proses melilin untuk membentuk reka bentuk memerlukan latihan yang insentif, ketekunan dan kekreativiti yang tinggi.

Kajian yang dilakukan dengan pengkaji satu proses ke satu proses batik eksklusif dihasilkan. Bermula dengan proses cucian kain, penyediaan kain putih, meregangkan kain, menyurih, penyediaan lilin dan mencanting, penyediaan warna dan mewarna, mematikan warna, mongering, membasuh dan membilas, merebus, membasuh dan merendam, mengeringkan dan menggosok sehingga ke proses yang terakhir ialah membungkus untuk dijual kepada pelanggan. Namun begitu, berbeza sedikit dengan batik eksklusif. Batik

eksklusif memakan masa yang agak lama. Semakin rumit corak yang dibentuk dan warna yang dilakar, semakin lama masa yang di ambil.

Penyediaan kain putih biasanya kain yang diimport secara terus dari pengeluar iaitu China mahupun Vietnam. Kain putih untuk membuat batik bukan seperti kain putih yang terdapat di kedai kerana kain putih untuk membuat batik ialah kain yang tidak pernah dimatikan dengan warna termasuklah warna putih. Proses yang kedua ialah proses meregangkan kain. Kebiasaannya kain dibentangkan pada sebuah pemidang dan direngangkan sehingga tegang. Kain akan disangkutkan pada barisan paku dan pemidang itu biasanya jenis yang mudah di alih supaya memudahkan kerja pakar pembatik.

Proses menghasilkan batik yang benar-benar eksklusif ialah mempunyai banyak teknik iaitu canting, teknik tindanan, teknik air brush, teknik Silica, teknik Manutex, teknik Brush Stroke, teknik garam, teknik Alfa, teknik Guris dan teknik Discharge. Batik eksklusif yang dihasilkan menjadi mahal apabila terdapat tiga atau empat teknik yang digunakan pada satu batik tersebut. Semakin banyak teknik yang digunakan, semakin bertambah harga dan mutu pada kain tersebut. Berdasarkan Encik Nazmie Bin Mat Nasir iaitu pakar mencanting batik berkata, harga batik eksklusif yang mencecah dua atau tiga ribu ringgit adalah kerana sepasang kain yang dihasilkan memakan masa dua bulan ataupun tiga bulan untuk disiapkan. Malah, kain tersebut adalah sangat terhad kerana hasil cantingen yang kedua tidak akan pernah sama dengan cantingen yang pertama kerana tekniknya yang sukar, ataupun seni ukirannya halus dan teliti membuatkan kain tersebut limited edition. Justeru itu kain yang dihasilkan itu sangat eksklusif sehingga menjadi rebutan di antara golongan bangsawan.

Kebanyakan batik eksklusif yang mencecah harga ribuan ringgit ini hanya mampu dibeli oleh kelas atasan sahaja iaitu Dato', Datin, Artis, Menteri, orang kaya-raya. Namun begitu masih ada harga batik eksklusif yang boleh menjadi mampu milik untuk golongan pertengahan yang berharga serratus lima puluh dank e atas untuk sepasang kain. Perbezaan yang ketara boleh dilihat pada batik eksklusif berbanding batik biasa ialah kainnya, coraknya serta warnanya. Penambahan batu-batu berlian membuatkan batik eksklusif tersebut semkin tinggi harganya, tetapi bergantung kepada pelanggan sahaja. Sekiranya batik eksklusif itu ingin diletakkan batu berlian, maka batik tersebut harus ditempah khas. Batik eksklusif yang mempunyai batu berlian ini tidak dibuat tersedia ada kerana tidak ramai yang menginginkan batu berlian. Sesetengah pengguna berpendapat bahawa sekiranya diletakkan batu berlian pada kain batik, corak batik yang dihasilkan secara halus itu akan hilang dan tenggelam kerana diletakkan batu berlian itu.

4.3 *Perbincangan*

Berdasarkan kajian terhadap teknologi pemprosesan batik di Kelantan, dapat dilihat bahawa tidak terdapat banyak perubahan dari kaedah cantingen ataupun cara penyediaannya, namun terdapat beberapa mesin teknologi telah diguna pakai untuk menghasilkan batik dengan lebih cepat dan pada masa yang singkat seperti mesin untuk mengeringkan batik, mesin untuk mengasingkan lilin dengan kain dan juga pewarna yang diimport secara terus dari kilang. Berbanding pada zaman dahulu, pada tahun 1950-an, semua peralatan untuk menghasilkan batik adalah secara manual dan tiada pergantungan terhadap teknologi seperti zaman sekarang. Warna yang dihasilkan juga berasaskan tumbuh-tumbuhan, bunga-bungaan dan sebagainya.

Perkembangan dari segi corak juga semakin berkembang kerana pelopor muda mula mengembangkan daya pemikiran ke arah yang lebih kreatif seperti batik yang berocarak kontemporari. Pada asalnya corak batik tradisional hanya menggunakan lambang flora dan fauna sahaja pada permukaan fabrik, namun perubahan demi perubahan telah bertambah. Pelbagai corak yang dihasilkan dengan pandangan abstrak sahaja. Bunga yang dilakarkan juga

tidak terbentuk dengan teliti seperti batik tradisional. Kemudian, timbul lah teknik-teknik baharu seperti teknik Manutex iaitu teknik yang menggunakan bahan sokongan iaitu Sodium Alginate di dalam proses membatik. Kegunaan Sodium Alginate dalam produk tekstil adalah untuk menaikkan warna dan membangkitkan warna supaya lebih terang serta mengukuhkan benang.

Tambahan lagi, cara pengasingan lilin daripada fabrik juga sudah berubah berbanding zaman dahulu. Hal ini kerana zaman dahulu menggunakan cara tradisional sahaja seperti merebus kain yang telah siap untuk mengasingkan lilin. Berbeza pada zaman sekarang yang menggunakan mesin untuk mengasingkan lilin. Teknologi ini sedikit sebanyak menjimatkan tenaga kerja dan masa pekerja. Mesin untuk mengasingkan lilin daripada fabrik hanya memakan masa empat hingga ke enam ke tujuh minit sahaja untuk setiap pasang.

5. Rumusan dan Cadangan

Pertumbuhan pengusaha batik di Kelantan pada setiap tahun semakin bertambah. Kebanyakannya ramai pengusaha muda yang menceburji bidang mencanting batik ini. Namun begitu tidak semua pengusaha batik yang mampu menghasilkan batik eksklusif kerana kepakaran yang teliti dan halus jarang ditemui. Kebanyakan pakar batik sekarang hanya menghasilkan batik yang murah dan menjual dengan harapan ada pulangan sahaja berbanding mencanting batik eksklusif yang memakan masa yang lama dan tidak mendapat permintaan yang banyak pada setiap tahun. Sungguhpun begitu, batik eksklusif ini kekal menjadi batik yang cantik dan membuatkan si pemakainya nampak anggun. Batik eksklusif ini juga melambangkan betapa halusnya kepakaran orang yang mencanting batik tersebut. Justeru itu, wajarlah batik eksklusif ini mencecah harga yang tinggi dan bernilai harga ribuan ringgit dek kerana kesusahan untuk menghasilkannya itu.

Rujukan

- Noor Azlina Yunus. (2011). *Malaysian Batik : Reinventing a tradition*. Yayasan Budi Penyayang Malaysia.
- Nik Yusnita Nik Ahmaed. (2015). *Sumbangan Che Su dan Keluarga kepada Pembangunan Perusahaan Batik di Kelantan*. Sarjana Sastera Pengajian Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Faridah Abdul Latif. (2007). *Pengaplikasian Motif Bunga melalui Seni Cetakan dalam hasil karya Kontemporari*. Sarjana Seni Gunaan (Seni halus). Universiti Malaysia Serawak.
- Muhd Rashid Bin Rajuddin, Fazlee Bin Alias. *Tahap Pengurusan Perniagaan Dalam Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Pengusaha Batik Di Daerah Kota Bharu*. Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Temubual

- Faizul Azaha bin Ibrahim. Pegawai Ehwal Ekonomi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan.
- Nazri Mat Nasir. Pakar pencanting Batik.
- Nazmie bin Mat Nasir. Pakar pencanting Batik.
- Nor Adila binti Mat Harun. Responden pertama.